

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

**USUL MEMPERKASAKAN DAN MENINGKATKAN TARAF PROGRAM
PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KERJAYA BAGI GOLONGAN BELIA
OLEH TEOH KHAI HENT**

Saya ingin membentangkan usul “Memperkasakan dan Meningkatkan Taraf Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya bagi Golongan Belia Peringkat Negeri”.

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menyampaikan definisi “Belia”. Secara umum, “Belia” adalah golongan muda secara keseluruhannya sama ada lelaki ataupun perempuan. Menurut Dasar Belia Malaysia 2018, definisi “Belia” adalah:

“Individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun”
Dasar Belia Malaysia, 2018

Golongan belia merupakan aset penting bagi masa depan negara kita. Kita mengetahui bahawa Golongan belia adalah salah satu penggerak yang tidak boleh diabaikan dalam pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Dasar kerajaan seperti: Dasar Belia Malaysia 2018 juga menekankan kepentingan golongan belia kepada pembangunan sesebuah negara dengan matlamat mewujudkan golongan belia yang bertanggungjawab, berpotensi, berdikari serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara.

Bagi melahirkan golongan belia yang mendorong kepada pembangunan negara, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan dan meningkatkan taraf Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya bagi Golongan Belia Peringkat Negeri. Tujuan usul tersebut adalah untuk mengkaji dan merancang strategi baru untuk merealisasikan pelaksanaan Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya bagi golongan belia Peringkat Negeri yang selaras dengan situasi kehidupan pada masa kini supaya dapat menarik perhatian golongan belia untuk menyertai serta memberi keyakinan kepada golongan belia untuk memilih hala tuju mereka sendiri. Menurut kajian Jabatan Perangkaan Malaysia terhadap kadar

penggangguran di Malaysia dan Pulau Pinang pada tahun 2017, didapati bahawa punca-punca utama yang menyebabkan kadar penggangguran yang kritikal bagi golongan belia di seluruh Malaysia dan Pulau Pinang terutamanya golongan usia antara 15 hingga 19 tahun boleh dikaitkan dengan ketidakseimbangan dari segi akademik, kelayakan, kemahiran dan pengalaman bagi golongan belia serta keperluan pasaran buruh yang terhad. Oleh itu, di sini terdapat beberapa cadangan yang akan dibenteng bagi menerangkan cara-cara untuk menaik taraf program pembangunan Pendidikan dan Kerjaya bagi golongan belia.

Pertama, Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya Golongan Belia bukan sahaja menumpukan kepada bidang akademik, malah program juga haruslah banyak melibatkan bidang-bidang lain mengikut keperluan dan minat mereka, seperti: kemahiran asasi, sukan, keusahawan, teknologi, kesenian dan kesasteraan, kerohanian serta kesukarelawanan. Dengan kerjasama semua pihak sama ada dari sektor kerajaan, sektor swasta atau NGO, ini boleh membantu program tersebut untuk menarik perhatian golongan belia untuk menyertai program yang bukan hanya bengkel pendidikan dan kerjaya yang biasa tetapi juga mempunyai berbagai jenis aktiviti dan acara yang menarik seperti: pameran, pertandingan, sukan dan lain-lain. Ia juga boleh membantu golongan belia untuk merangka dan menentukan hala tuju mereka selain mencungkil minat mereka terhadap bidang lain.

Sebagai contoh, salah satu program yang sesuai untuk menjadi rujukan kepada pelaksanaan program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya Golongan Belia adalah Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) di bawah kerajaan persekutuan Malaysia. Tujuan tersebut adalah untuk membantu graduan menganggur (Kebanyakan daripada golongan belia) meningkatkan tahap keupayaan diri dengan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja selain meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia. Walaupun program tersebut sangat bermanfaat kepada golongan belia, tetapi didapati program tersebut juga mempunyai kelemahan iaitu: program ini hanya menumpukan kepada bidang-bidang spesifik terutama bidang ekonomi dan teknologi. Oleh itu, saya berpendapat bahawa pembangunan pendidikan dan kerjaya akan lebih sempurna jika bidang-bidang lain seperti bidang yang berunsurkan kesenian, kebudayaan dan hiburan juga termasuk ke dalam bidang tersebut. Walaupun bidang tersebut bukan pilihan terutama bagi membangunkan

ekonomi sesebuah negara jika berbanding dengan bidang ekonomi dan sains teknologi, tetapi sekurang-kurangnya, kita dapat mengekalkan warisan tradisi dan kebudayaan yang melambangkan identiti negara Malaysia selain meningkatkan imej dan ekonomi negara.

Selain itu, Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya Golongan Belia juga haruslah menyediakan perkhidmatan sokongan dan bimbingan seperti: perkhidmatan kaunseling dan seminar kerjaya supaya dapat memberi tunjuk arah kepada golongan belia untuk membuat keputusan untuk menghadapi segala rintangan dan kekeliruan yang bakal mencabar kehidupan masa depan mereka. Sebagai contoh, pihak yang terbabit seperti: Pusat Maklumat Kerjaya (CIC), salah satu pusat perkhidmatan di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia boleh memberi bantuan kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada golongan belia semasa Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya bagi membantu golongan belia untuk mengenal diri secara dekat melalui inventori serta membuat keputusan bijak semasa memilih kerjaya.

Di samping itu, untuk memahami pandangan golongan belia terhadap pendidikan dan kerjaya secara lanjut, kajian soal selidik dan temu ramah juga patut dilakukan semasa Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya Golongan Belia. Hal ini kerana golongan belia merupakan golongan yang menerima pelan pendidikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dan mereka lebih memahami dan mengalami segala fungsi dan struktur pelan pendidikan. Oleh itu, ini merupakan cara yang sesuai untuk memahami pandangan golongan belia terhadap bidang pendidikan dan kerjaya di Malaysia supaya dapat mewakili golongan tersebut untuk bersuara terhadap pelaksanaan pelan pendidikan dan kerjaya Malaysia bagi mewujudkan pelan pendidikan yang lebih berkualiti untuk golongan belia pada masa depan.

Secara kesimpulannya, golongan belia merupakan bakal pemimpin negara kita. Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa Program Pembangunan Pendidikan dan Kerjaya Golongan Belia bagi peringkat Negeri harus dikaji dan dirancang secara teliti supaya dapat menarik minat golongan belia untuk memilih apa yang mereka gemari selain dapat meningkatkan nilai, prestasi dan kemahiran golongan belia dalam kehidupan.

Melalui usul cadangan tersebut, saya berharap ini membolehkan golongan belia tidak akan lagi menjadi seseorang yang hanya semata-matanya cemerlang dalam bidang akademik, maka juga menjadi seseorang yang kreatif, berdikari, berdisiplin, berpandangan jauh dan aktif dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara. Dengan ini, ia mampu menunaikan matlamat Dasar Belia Malaysia 2018 bagi mewujudkan golongan yang boleh menyumbangkan kepada pembangunan negara Malaysia ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Sekian terima kasih.

Yang ikhlas,

Teoh Khai Hent

Sidang Muda 2018

